

06 JUL 1996
Lead Mahathir-UMNO
UMNO LARANG KEMPEN PEMILIHAN

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini memutuskan melarang semua bentuk kempen termasuk yang dijadualkan oleh ibu pejabat UMNO bagi pemilihan parti itu Oktober ini, dalam satu langkah drastik untuk mencegah kempen keterlaluan.

MT juga memutuskan bahawa semua bahagian UMNO pada persidangan perwakilan masing-masing tidak boleh lagi mencalon orang tertentu sebaliknya hendaklah mengesahkan secara "en bloc" senarai pencalonan mereka yang mendaftar diri untuk bertanding.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden UMNO mengumumkan keputusan itu selepas mempengerusikan mesyuarat MT yang diadakan menjelang bermulanya persidangan perwakilan bahagian Jumaat ini.

"Keputusan ini dibuat untuk berlaku adil kepada semua calon dan sekaligus membanteras politik wang, fitnah memfitnah, ugutan dan kempen keterlaluan yang boleh menghancurkan parti," katanya.

Dengan keputusan ini bermakna semua calon naib presiden, anggota Majlis Tertinggi serta anggota jawatankuasa pergerakan-pergerakan Pemuda dan Wanita Umno hendaklah disahkan oleh bahagian-bahagian tanpa membuat sebarang pertukaran.

Ibu pejabat akan mengemukakan kepada semua bahagian senarai nama calon Isnin ini.

Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat dijadual mengumumkan senarai calon-calon esok. Lima daripada 208 yang mendaftar diri telahpun menarik diri, dua bagi merebut jawatan anggota MT dan tiga Pergerakan Pemuda.

Dr Mahathir berkata keputusan MT itu tidak bertentangan dengan perlembagaan parti kerana ia masih tetap memerlukan sekurang-kurangnya dua bahagian untuk mengesahkan senarai pencalonan.

"Perlembagaan parti tidak menyebut jumlah calon yang perlu dicalonkan bagi sesuatu jawatan," katanya.

Beliau berkata keputusan MT ini dapat menghindari terlalu banyak kempen untuk mendapatkan pencalonan daripada bahagian-bahagian selain mengelak pertandingan antara bahagian-bahagian supaya calon tertentu mendapat pencalonan yang banyak dan ini menjadikan pengurusan parti menjadi kucar-kacir.

"Dengan itu, MT akan mengemukakan kepada semua bahagian supaya bahagian-bahagian menyokong semua ketujuh-tujuh calon Naib Presiden yang telah diiktiraf sebagai calon yang sah dan mereka (bahagian) tidak perlu memilih tiga daripada tujuh orang calon itu," katanya.

Bahagian-bahagian juga perlu mengesahkan calon-calon untuk MT, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita serta anggota-anggota jawatankuasa Pemuda dan Wanita.

Dr Mahathir berkata ini bermakna tidak ada keperluan "untuk sesiapa mencalonkan sesiapa" kerana semua yang dicalonkan itu akan diiktiraf oleh semua bahagian sebagai calon mereka dan ini selaras dengan perlembagaan parti.

"Tindakan ini memberi peluang yang sama kepada semua yang menawarkan diri untuk bertanding," katanya.

Majlis Tertinggi juga memutuskan bahawa dalam senarai pencalonan, jawatan presiden dan timbalan presiden juga turut disenaraikan sungguhpun kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Semasa ditanya sama ada larangan kempen itu boleh menyekat peluang mereka yang bukan dalam kerajaan menyatakan visi mereka, Dr Mahathir berkata: "Mereka mesti usaha cara lain untuk satu hari jadi anggota kerajaan."

Beliau berkata sungguhpun seseorang itu tidak berkempen tetapi menunjukkan kebolehnya yang diiktiraf di peringkat cawangan, bahagian, negeri dan

seterusnya pusat, mereka yang berbakat tidak susah untuk menjadi pemimpin.

Semasa ditanya sama ada akibat larangan kempen itu mungkin berlaku pula perjumpaan-perjumpaan sulit, Dr Mahathir berkata jika terdapat bukti adanya perbuatan seperti itu, tindakan akan diambil. -- BERNAMA

SJA MAI